



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

BIL.27 / 2019

### **SPR TERIMA PERAKUAN MAHKAMAH MENGENAI PEMBATALAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA N.27 RANTAU, NEGERI SEMBILAN**

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima Perakuan Mahkamah daripada Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan di bawah Seksyen 36A(3) (a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang telah mengisytiharkan bahawa keputusan pilihan raya bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N.27 Rantau, Negeri Sembilan yang diadakan pada 9 Mei 2018 adalah tidak sah dan terbatal.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan Perkara LVI(5) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, SPR akan mengisi kekosongan kerusi tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan yang telah dipastikan berlaku mulai 26 Februari 2019. Pemakluman rasmi mengenai kekosongan kerusi DUN tersebut akan dihantar kepada Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada hari ini.

SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas bagi membincangkan mengenai pelaksanaan pilihan raya tersebut. Tarikh mesyuarat tersebut akan dimaklumkan nanti oleh pihak SPR.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 26 Februari 2019 / 21 Jamadil Akhir 1440H